



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD			
TARIKH	:	4/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	KeTSA			

Pemulihan agresif elak Tasik Chini hilang status UNESCO

Kuala Lumpur: Semua aktiviti perlombongan dan pembalakan di Tasik Chini serta kawasan sekitar, sama ada secara sah atau sebaliknya perlu dihentikan segera bagi mengelak status sebagai Rizab Biosfera Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-

satu (UNESCO) digugurkan.

Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial (IP-SAS), Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berkata jika status itu digugurkan, ia adalah kerugian kepada negara.



Kawasan sekitar Tasik Chini yang hampir gondol perlu dipulih segera bagi mengelak status sebagai Rizab Biosfera Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) digugur.

"Saya difahamkan UNESCO sedang membuat penilaian terhadap status ini dan penilaian ini dilakukan secara berkala. Amat rugi jika status Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera digugurkan disebabkan masalah alam sekitar yang dihadapi.

"Ketika ini saya melihat usaha yang sedang dilakukan kerajaan Pahang adalah baik namun ia akan mengambil masa yang lama untuk memulihkan semula alam sekitar. Sebab itu tindakan lebih agresif perlu dilakukan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Haliza berkata, semua aktiviti yang boleh menjejaskan Tasik Chini perlu dihentikan segera kerana ia memberi kesan rantaian kepada ekosistem alam sekitar.

Jelasnya, jika kerajaan negeri gagal berbuat demikian, kemungkinan besar negara bukan sahaja kehilangan status terbabit yang lebih teruk akan berlaku.

"Pembalakan dan perlombo-

ngan secara sah atau tidak perlu dikawal sebab Pahang kaya dengan ekosistem, ada tanah tinggi, tasik dan tapak Tanah Lembab Berkepentingan Antarabangsa (RAMSAR)," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Madya Dr Wan Mohd Faizal Wan Ishak, menyifatkan usaha yang sedang dilakukan kerajaan negeri masih belum mencukupi.

Katanya, pelbagai usaha dan inisiatif diperlukan untuk memulihkan keadaan Tasik Chini kepada asal seperti penanaman semula pokok secara besar-besaran.

"Usaha pemulihan ini perlu bermula dengan menghentikan semua aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar sama ada secara sah atau sebaliknya.

"Jika perkara itu tidak diberi perhatian serius, maka ia pastinya menyebabkan kerugian khususnya membabitkan aspek

khazanah negara," katanya.

Media sebelum ini melaporkan Tasik Chini berkemungkinan besar kehilangan status sebagai Rizab Biosfera UNESCO yang diperolehi pada tahun 2009 akibat isu alam sekitar dan pencemaran yang berlaku.

UNESCO dilaporkan berkata, kerajaan kerajaan memiliki masa setahun untuk bertindak bagi mengekalkan status terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin dilaporkan memulihkan Tasik Chini bagi memastikan kelestarian alam sekitar tasik itu terus terpelihara.

"Tidak dinafikan masih terdapat kegiatan perlombongan di situ, namun ia bukan baharu seperti ditularkan dan kawasan lombong sedia ada tidak termasuk dalam Hutan Simpanan Kekal," katanya.